

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (JOHOR/MELAKA/N.SEMBILAN)

TARIKH: 24 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 33

## ***Pertimbang turun harga rumah milikan asing***

SEREMBAN - Kerajaan Negeri Sembilan mempertimbangkan cadangan untuk menurunkan harga siling rumah bagi pembeli warga asing di negeri itu dalam usaha meningkatkan pembelian rumah yang tidak terjual.

Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru Negeri Sembilan, Teo Kok Seong berkata, penurunan harga tersebut bagi memastikan negeri itu lebih kompetitif berbanding negeri jiran yang menawarkan harga rumah yang lebih murah.

Menurutnya, sebelum ini harga siling rumah untuk warga asing dijual dengan harga RM1 juta tetapi sejak awal tahun lalu kerajaan negeri bersetuju menaikkan harga rumah kepada milikan asing bernilai RM2 juta.

"Bagaimanapun, kita mendapat banyak rungutan daripada pemaju dan juga pelabur asing yang datang ke negeri ini memaklumkan harga siling rumah yang dikenakan



Kok Seong (tengah) pada sidang akhbar di Wisma Negeri semalam.

terlalu tinggi malah ada pemaju memberitahu mereka terpaksa menanggung kerugian apabila banyak rumah tidak terjual.

"Kerajaan Negeri Sembilan setuju untuk mengkaji semula harga siling rumah untuk milikan asing di mana antara harga yang dicadangkan antara RM1 juta atau kurang daripada RM1 juta. Tetapi harga muktamad belum diputuskan lagi," katanya selepas menghadiri Mesyuarat Exco di Wisma Negeri di sini semalam.

Kok Seong berkata, walaupun harga siling rumah untuk milikan asing diturunkan tetapi projek perumahan mampu milik untuk masyarakat tempatan tetap diteruskan.

Katanya, melalui Dasar Perumahan Negeri Sembilan, kerajaan negeri mewajibkan semua pemaju untuk menyediakan 50 peratus rumah mampu milik bagi setiap projek perumahan yang baru manakala 30 peratus bagi projek keluasan kurang daripada empat hektar.